

Uniten hadiahkan kemenangan kepada Dr. M

UM 01/11/2003 - 4 PRECISE

BANGI 31 Okt. — Universiti Tenaga Nasional (Uniten) yang mencipta kejuaraan berganda iaitu muncul juara dan naib juara pada World Solar Challenge di Australia pada Isnin lalu menghadahkan kemenangan tersebut kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai hadiah persaraannya daripada jawatan Perdana Menteri.

Naib Canselornya, Prof. Dr. Zainul Abidin Md. Sharrif berkata, kejuaraan itu membuktikan bahawa wawasan yang dicetuskan oleh Dr. Mahathir iaitu melahirkan kumpulan pelajar yang inovatif dan kreatif, telah berjaya.

"Kejayaan ini adalah hasil semangat

Malaysia Boleh yang mencetuskan semangat juang dan perangsang kepada para pelajar untuk meneruskan perjuangan menyaingi pencabar-pencabar dari negara yang mempunyai kepakaran dan teknologi yang lebih canggih daripada kita," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar mengenai kejayaan Uniten di sini hari ini.

Uniten menghantar dua pasukan ke kejohanan antarabangsa itu yang disertai oleh 12 pasukan termasuk dari Itali, Australia dan Vietnam.

Pada kejohanan tersebut, Uniten 1 dan Uniten 2 menampilkan dua kenderaan solar iaitu basikal solar dua tayar dan tiga tayar (Recumbent) yang berciri aerodinamik.

Menurut Penasihat Pasukan Uniten, Halil Hussain, Uniten menghantar 19 wakil yang terdiri daripada para pelajar program kejuruteraan dan pengurusan perniagaan untuk mewakili kedua-dua pasukan.

"Mereka terdiri daripada 11 orang pengayuh basikal, empat juruteknik dan empat pegawai," katanya.

Kejohanan itu berlangsung selama enam hari dengan jarak perlumbaan sejauh 1,739 kilometer.

"Sepanjang perlumbaan enam hari, bermula hari pertama lagi kedua-dua pasukan Uniten sentiasa bersaing antara tempat pertama dan kedua sambil diikuti dengan jarak 10 minit oleh pasukan Itali," katanya.

Pertandingan yang bermula 19 Oktober itu mengikut laluan dari Ceduna sehingga ke Adelaide yang berakhir pada 26 Oktober.

Kejohanan kali ini merupakan penyertaan ketiga Uniten iaitu bermula 1999 dan 2001.

Pada tahun 2001, Uniten yang menghantar satu pasukan menduduki tempat keempat secara keseluruhan.

Sepanjang perlumbaan pasukan Uniten terpaksa mengharungi cuaca kering menyebabkan ada anggotanya yang demam dan selesema tetapi tetap meneruskan perlumbaan itu.